

Cambridge IGCSE™

MALAY

0546/02

Paper 2 Reading

For examination from 2028

SPECIMEN INSERT

1 hour

INFORMATION

- This insert contains the texts referred to in Questions 3–6.
- You may annotate this insert and use the blank spaces for planning. **Do not write your answers** on the insert.



This document has **6** pages. Any blank pages are indicated.

Soalan 3

Baca teks dan jawab Soalan 3 dalam kertas soalan.

Hai Mimi,

Apa rancangan awak untuk cuti sekolah minggu depan? Ibu saudara saya yang bekerja sebagai doktor haiwan sedang mencari sukarelawan untuk membantunya membuat kerja amal di sebuah pusat perlindungan haiwan di bandar.

Saya tahu awak sukakan haiwan dan sangat sayang arnab awak. Bila ibu saudara saya minta saya cari sesiapa yang berminat untuk menolong, saya terus teringat awak. Di pusat ini, terdapat banyak kucing yang diselamatkan.

Saya juga bekerja di sana sebagai sukarelawan, biasanya selama 3 jam sahaja setiap minggu. Pusat ini dibuka sepanjang minggu selama 10 jam sehari dari jam 8 pagi hingga 6 petang. Sukarelawan akan diberi tugas seperti memberi makan haiwan dan membersihkan tempat haiwan.

Pusat ini juga memerlukan bantuan tambahan membuat rakaman untuk media sosial. Saya rasa ini tugas yang sesuai buat awak kerana awak sangat pandai menghasilkan kandungan yang menarik.

Balas e-mel saya ya!

Nora

Soalan 4

Baca teks dan jawab Soalan 4 dalam kertas soalan.

Kehidupan Seharian sebagai Pemain Badminton

Nama saya Amir, dan saya seorang pemain badminton remaja yang bercita-cita tinggi. Kehidupan seharian saya sangat padat tetapi menyeronokkan. Setiap pagi, saya **(a)** pada jam 5:30 pagi untuk melakukan senaman ringan seperti jogging dan regangan. Ini penting untuk memastikan tubuh saya sentiasa **(b)** dan bersedia untuk latihan yang lebih intensif.

Selepas bersarapan, saya pergi ke sekolah seperti remaja lain. Walaupun sibuk dengan sukan, saya tetap berusaha mencari **(c)** untuk pelajaran saya. Saya pastikan yang saya menumpukan perhatian di dalam **(d)** ketika guru mengajar. Sebaik sahaja loceng terakhir berbunyi, saya terus menuju ke dewan latihan badminton. Latihan bermula pada pukul 4 petang, di mana saya **(e)** teknik pukulan, kelajuan kaki dan strategi perlawanan. Jurulatih saya sangat tegas, tetapi beliau sentiasa memberi dorongan untuk saya menjadi lebih baik.

Latihan **(f)** tamat pada jam 7 malam. Saya pulang ke rumah, makan malam dan meluangkan masa seketika dengan keluarga. Saya akan mengulang kaji pelajaran dan membuat kerja sekolah sebelum saya tidur awal pada jam 9.30 malam supaya saya tidak rasa **(g)** keesokan harinya.

Saya sangat gembira dengan kehidupan saya **(h)** jadual saya sibuk. Saya percaya dengan usaha dan disiplin, saya mampu mencapai impian untuk menjadi pemain badminton bertaraf dunia suatu hari nanti.

Soalan 5

Baca teks (A–D) dan jawab Soalan 5 dalam kertas soalan.

Majalah hobi untuk semua**A Majalah 1**

Majalah ini membawa anda menyelami dunia masakan tradisional dari serata dunia. Setiap edisi memaparkan resipi klasik, teknik memasak tradisional, serta kisah budaya di sebalik hidangan ikonik dari pelbagai ceruk rantau Nusantara ke dunia Barat. Dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh didapati di sekitar halaman rumah, majalah ini memberi tip dan idea untuk menghasilkan hidangan asli warisan dari resipi turun temurun. Sesuai untuk pencinta makanan yang ingin menikmati keindahan rasa serta budaya asli global.

B Majalah 2

Majalah yang wajib dimiliki oleh sesiapa saja yang suka membuat dan makan kek! Setiap isu memaparkan koleksi resipi kek yang menarik dan mudah diikuti, daripada kek tradisional tempatan hinggalah ke ciptaan moden yang memukau, sama ada untuk hidangan harian atau majlis istimewa seperti hari jadi dan perkahwinan. Ada juga tip menarik untuk teknik dan idea menghias kek, dan cara menggunakan bahan-bahan asli seperti bunga dan daun-daun. Majalah ini juga memuatkan ulasan menarik tentang kedai kek tempatan yang patut anda kunjungi.

C Majalah 3

Majalah ini ialah sumber inspirasi terbaik untuk pencinta seni kraftangan. Dipenuhi dengan idea-idea unik, panduan langkah demi langkah, dan tip praktikal, setiap edisi membantu anda mencipta hasil tangan yang cantik yang boleh digunakan sebagai hiasan di rumah anda. Dari sulaman tradisional hingga projek DIY moden, majalah ini meraikan kreativiti tanpa batas. Nikmatilah kisah-kisah menarik tentang penggiat kraf Melayu, teknik seni yang jarang ditemui dan cara menggunakan bahan-bahan mesra alam dalam hasil tangan anda. Dengan Kraf Idaman, jadikan setiap sentuhan seni hiasan lebih istimewa dan sentiasa di hati.

D Majalah 4

Majalah ini ialah rujukan terbaik bagi anda yang menggemari aktiviti berkebun dan menghias sekeliling rumah anda dengan pohon-pohon hijau dan bunga-bunga yang menyegarkan mata. Majalah ini bukan sahaja menawarkan pelbagai tip bernas untuk penjagaan tumbuhan dan landskap, malah turut memaparkan idea-idea praktikal yang mudah diikuti oleh penggemar taman seperti tip untuk mengguna semula bahan terpakai untuk taman anda. Anda juga boleh mendapatkan inspirasi hiasan taman yang menampilkan tema-tema dari pelbagai negara dari Timur ke Barat. Majalah ini telah menerima banyak ulasan yang positif dari para pembaca.

Soalan 6

Baca teks dan jawab Soalan 6 dalam kertas soalan.

Pementasan Bawang Putih Bawang Merah

Kelas 4 Mawar, Sekolah Menengah Seri Mulia, telah diberi tanggungjawab mementaskan drama tradisional “Bawang Putih Bawang Merah” sempena minggu kebudayaan. Walaupun teruja, cabaran besar menanti mereka. “Kita akan dilatih oleh Puan Noraini yang berpengalaman dalam bidang teater dan tarian. Tapi, kita ada masa tiga minggu sahaja,” kata Zarif yang ditugaskan untuk mendapatkan dana.

Pelajar mula dibahagikan tugas. Lisa dipilih menjadi Bawang Merah, manakala Anis memegang watak Bawang Putih dalam cerita kegemarannya ini. Meskipun Anis kurang yakin, Lisa menenangkannya dan memujuknya bahawa mereka akan berlatih bersama.

Di belakang tabir, Haris memimpin pasukan alatan lakon, sibuk membuat perigi dan rumah lama daripada kotak terpakai. Mereka mencari idea kreatif untuk menjadikan latar pentas kelihatan seperti zaman dahulu dengan ciri-ciri alam semula jadi seperti bunga-bunga. Mereka mengitar semula alatan lakon terpakai yang pernah digunakan untuk pementasan kisah nelayan.

Latihan pertama agak huru-hara. Anis sering lupa dialog, dan pelakon tambahan tidak tahu tempat berdiri. Haris pula tercedera kerana terjatuh ketika mengangkat bahan untuk alatan lakon. Puan Noraini tidak cemas dan marah, malah beliau nasihati mereka agar jangan berhenti berusaha.

Hari demi hari, pasukan drama itu semakin serasi dan yakin. Dialog Anis semakin lancar, pelakon-pelakon tambahan juga tidak kurang hebat menghidupkan watak masing-masing. Pasukan teknikal pula berjaya mencipta suasana dramatik dengan cahaya dan muzik latar tradisional.

Tibalah hari persembahan. Dewan sekolah penuh dengan pelajar dan guru. Pementasan bermula dengan lancar. Penonton tertawa dan terharu melihat lakonan yang sungguh mantap dan bersahaja. Tiada seorang pun yang meninggalkan dewan hingga pementasan tamat. Pada akhir cerita, penonton bersorak sambil bertepuk.

“Persembahan awak semua di pentas amat mengagumkan,” puji Puan Noraini selepas persembahan. “Ini bukan sahaja tentang lakonan, tetapi kita juga telah belajar tentang semangat kesungguhan dan kerja berpasukan.”

Kelas 4 Mawar tersenyum puas. Pengalaman ini bukan sahaja mencipta kenangan indah tetapi juga mengeratkan hubungan mereka sambil bekerja bersama. Mereka menyambut kejayaan mereka dengan majlis makan pada malam itu yang dihadiri oleh guru besar sekolah.

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (Cambridge University Press & Assessment) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

Cambridge International Education is the name of our awarding body and a part of Cambridge University Press & Assessment, which is a department of the University of Cambridge.